

RANCANGAN MALAYSIA KE-9 (2006 – 2010)

Usaha mempertingkatkan daya saing dan daya tahan negara terus diberi keutamaan berikutan perubahan persekitaran ekonomi negara dan antarabangsa. Pada masa yang sama, usaha merapatkan jurang sosio-ekonomi di kalangan kumpulan etnik dipergiat dengan mengambil langkah yang menumpukan kepada kumpulan sasaran. Semua inisiatif pembangunan dalam tempoh RMK-9 berpandukan prinsip sejagat Islam Hadhari.

Bagi mengurangkan jurang antara kawasan luar bandar dengan bandar dan antara wilayah yang kurang membangun dengan yang lebih membangun, Kerajaan menambah peruntukan untuk pembangunan luar bandar serta pembangunan negeri kurang membangun secara komprehensif. Penekanan yang lebih diberi kepada pembangunan RGC (*Regional Growth Centre*) yang bertumpu kepada pembangunan tersusun koridor utara dan timur serta Sabah dan Sarawak. RGC ini menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas yang lebih baik, dengan ini membantu pertumbuhan lebih banyak aktiviti ekonomi yang mengambil faedah daripada kelebihan semulajadi setiap wilayah tersebut seperti pembuatan berasaskan sumber, industri berasaskan kraf, aktiviti hiliran berasaskan pertanian, dan ekopelancongan. Lembaga Kemajuan Wilayah Baru ditubuhkan untuk menyelaras dan melaksanakan usaha ini terutamanya di Sabah dan Sarawak

Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan

Program transformasi syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mula dilaksanakan pada Mei 2004 untuk memupuk budaya yang mengutamakan prestasi tinggi dan kecemerlangan di kalangan GLC. Dalam tempoh Rancangan, pelaksanaan program transformasi GLC dipergiat bagi meningkatkan lagi nilai pemegang saham termasuk memperluaskan pelaksanaan petunjuk prestasi utama (KPI) dan memperkenalkan sistem ganjaran berasaskan prestasi, penambahbaikan pengendalian dan inisiatif pengurangan kos.

RANCANGAN MALAYSIA KE-9 (2006 – 2010)

Program Pembangunan dan Implikasi Sosio Ekonomi Setempat

Sebanyak 16 projek rumah kedai sosio-ekonomi telah dibangunkan hasil daripada bantuan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan. Pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh meliputi hampir keseluruhan pelusuk negeri sehingga mencecah kawasan seperti Paitan di Beluran serta Long Pa Sia di Sipitang.

Seperti yang dijangka, permintaan yang menggalakkan di Pekan Sook telah mendorong Syarikat untuk membangunkan 8 unit 2 tingkat kedai untuk fasa yang ke-3. Permintaan kedai di Apas Balung, Tawau turut menunjukkan indikasi yang menggalakkan daripada penduduk setempat dan hasilnya pembangunan diteruskan untuk fasa yang ke-2.


Tapak tanah di Apas Balung merupakan milik SEDCO yang diperuntukan kepada Syarikat dengan tujuan memacu pembangunan sosio-ekonomi setempat di kawasan tersebut. Semangat keusahawanan penduduk tempatan untuk bersaing dengan peniaga luar memberikan keyakinan tinggi kepada Syarikat untuk meneruskan pembangunan secara berfasa dan berterusan bagi menampung permintaan yang menggalakkan bagi warga Tawau. Tapak tersebut menjadi tempat persinggahan bagi pengguna jalan raya yang menghubungkan bandar Tawau ke Lahad Datu dan Sandakan.



***Rumah Kedai Sosio Ekonomi Apas Balung
Fasa I (gambar kiri) & Fasa II (dalam proses pembahagian kedai)***

**RANCANGAN MALAYSIA KE-9
(2006 – 2010)**

No.	Tanda Warna	Projek	Unit
1	●	Apas Balung, Tawau (fasa II)	10 x 2
2	●	Sukau, Kinabatangan	6 x 1 ½
3	●	Sindumin, Sipitang	6 x 1 ½
4	●	Sikuati, Kudat	8 x 2
5	●	Bum Bum, Semporna	6 x 1 ½
6	●	Sook, Keningau (fasa III)	8 x 2
7	●	Long Pa Sia, Sipitang	4 x 1 ½
8	●	Bundu Tuhan, Ranau	4 x 1 ½



**RANCANGAN MALAYSIA KE-9
(2006 – 2010)**

No.	Tanda Warna	Projek	Unit
9	●	Beluran, Sandakan	8 x 2
10	●	Tenghilan, Tuaran	12 x 1 ½
11	●	Kg Pimping, Membakut	10 x 1 ½
12	●	Sg Tiram, Sandakan	8 x 2
13	●	Sg Manila, Sandakan	8 x 2
14	●	Paitan, Beluran	4 x 1
15	●	Kuala Penyu	10 x 2
16	●	Bingkor, Keningau	6 x 2

